

TEKS UCAPAN

YB DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL

MENTERI

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI &**

HAL EHWAL PENGGUNA

RETREAT HALA TUJU KPDNHEP 2018

8 SEPTEMBER 2018 (SABTU)

HOTEL MARRIOT, PUTRAJAYA

BISMILAH...

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

- **YB TUAN CHONG CHIENG JEN**
TIMBALAN MENTERI KPDNHEP

- **YBHG. DATO' SRI JAMIL SALLEH**
KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP

- **YBHG. DATO' BASARUDDIN BIN SADALI**
TKSU PDN

- **YBHG. DATUK MUEZ BIN ABD. AZIZ**
TKSU K&P

- **KETUA-KETUA AGENSI**
- **PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN**
- **PENGARAH-PENGARAH NEGERI**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN SERTA JEMPUTAN KHAS.

TERLEBIH DAHULU, SAYA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA KERANA DENGAN NIKMAT YANG PENUH BERKAT, MAKA RETREAT HALA TUJU KPDNHEP 2018 DAPAT DIADAKAN DENGAN JAYANYA PADA HARI INI.

PENGANJURAN RETREAT PADA HARI INI MERUPAKAN SATU PLATFOM UNTUK KEMENTERIAN MERANGKA STRATEGI DAN ARAH TUJU YANG BERPAKSIKAN ASPIRASI DAN HARAPAN UNTUK MALAYSIA BAHARU. SELAIN ITU, RETREAT INI PENTING UNTUK MEMASTIKAN KEMENTERIAN INI TERUS MENJADI INSTITUSI YANG RELEVAN DAN MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN EKONOMI DAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI.

SEKTOR PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN DIKENAL PASTI MENYUMBANGKAN SEBANYAK 15.1 PERATUS ATAU RM177.4 BILION KEPADA KDNK BAGI TAHUN 2017. BAGI TEMPOH SUKU TAHUN PERTAMA, (JANUARI-MAC) SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN MENYUMBANG SEBANYAK 48.8 BILLION ATAU 14.9 PERATUS KEPADA KDNK.

MEMANDANGKAN SUMBANGAN BESAR SEKTOR PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN KEPADA KDNK, SAYA PERCAYA PENCAPAIAN

INI DAPAT DITINGKATKAN SEKIRANYA LEBIH BANYAK INISIATIF ATAU PROGRAM DAPAT DIFOKUSKAN UNTUK MEMBANGUNKAN SEKTOR INI.

MALAYSIA BAHARU KINI MENGALAMI FASA PERUBAHAN LANDSKAP POLITIK YANG AMAT BERSEJARAH DAN KINI PERLU BERDEPAN SENARIO GLOBAL YANG MENCABAR TERMASUK PERANG PERDAGANGAN DI ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN CHINA YANG PASTINYA AKAN MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI DAN MATAWANG NEGARA.

SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN INI, KEMENTERIAN INI HARUS PEKA TERHADAP AGENDA REFORMASI DI DALAM SISTEM YANG BERLAKU KHUSUSNYA YANG MELIBATKAN HALA TUJU DAN POLISI UTAMA KERAJAAN.

ADALAH PENTING SUPAYA SETIAP INISIATIF, PROGRAM DAN PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN DITELITI, AGAR SETIAP NILAI WANG (VALUE FOR MONEY) YANG KEMENTERIAN BELANJAKAN MENGHASILKAN IMPAK YANG BESAR DAN BERKESAN.

KPDNHEP MEMIKUL TANGGUNGJAWAB YANG BESAR DALAM MENANGANI ISU KOS SARA HIDUP YANG MENJADI DENYUT NADI RAKYAT. SKOP DAN TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN TIDAK

LAGI TERBATAS KEPADA PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN HARGA BARANG SAHAJA.

ISU KENAIKAN HARGA BARANG HANYA MERUPAKAN SALAH SATU JUZUK DARIPADA KESELURUHAN ISU KOS SARA HIDUP YANG TURUT MELIPUTI ENAM KLUSTER UTAMA SEPERTI MAKANAN, PENGANGKUTAN, UTILITI, PERUMAHAN, KESIHATAN DAN PENDIDIKAN.

PENGAKTIFAN SEMULA PERANAN MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL) MERUPAKAN SATU LANGKAH YANG WAJAR DAN TEPAT PADA MASANYA. PERKARA INI TELAH SAYA BENTANGKAN DALAM MESYUARAT JEMAAH MENTERI PADA 17 OGOS 2018 YANG LALU.

MAJLIS TINDAKAN INI AKAN MEMPERKUKUH DAN MENYELARASKAN PELAKSANAAN STRATEGI SERTA PELAN TINDAKAN BAGI MENANGANI ISU DAN KENAIKAN KOS SARA HIDUP RAKYAT DENGAN LEBIH PROAKTIF DAN EFISIEN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK MERENTASI SEKTOR AWAM DAN SWASTA.

SEGALA INISIATIF YANG DIRANCANG DAPAT DILAKSANAKAN SECARA HOLISTIK DAN BERSEPADU SERTA MENCAPAI IMPAK YANG MAKSIMUM. SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA MESYUARAT NACCOL INI AKAN DIPENGERUSIKAN OLEH YAB TIMBALAN

PERDANA MENTERI PADA 27 SEPTEMBER 2018 YANG MANA KPDNHEP MERUPAKAN SEKRETARIAT KEPADA MAJLIS SARA HIDUP TERSEBUT.

KONSEP PEMBAZIRAN SIFAR (ZERO WASTE) INI MERUPAKAN SATU AGENDA PERUBAHAN YANG AMAT MENARIK PERHATIAN DAN DEKAT DI HATI SAYA. INISIATIF BANK MAKANAN MUTIARA (MUTIARA FOOD BANK) TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEJAK BULAN MEI 2017 UNTUK MEMBANTU LEBIH 16,000 GOLONGAN ASNAF DI PULAU PINANG.

SAYA PERCAYA PROGRAM INI BOLEH DIKEMBANGKAN LAGI DENGAN SKALA YANG LEBIH BESAR AGAR DAPAT MEMBERIKAN IMPAK KEPADA LEBIH RAMAI GOLONGAN SASAR YANG MEMERLUKAN KHUSUSNYA MEREKA YANG TERGOLONG DALAM KATEGORI MISKIN BANDAR (URBAN POVERTY).

PELAKSANAAN KONSEP ZERO WASTE INI JUGA DAPAT DIAPLIKASIKAN DALAM PENGOPTIMUMAN RANTAIAN BEKALAN (SUPPLY CHAIN OPTIMIZATION) BAGI BARANGAN ASAS. PROSES PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN (SUPPLY CHAIN) BERMULA DARIPADA BAHAN MENTAH SEHINGGA PENGHASILAN PRODUK TERAKHIR UNTUK DIHANTAR KEPADA PELANGGAN.

CABARAN UTAMA PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN YANG OPTIMUM ADALAH MEMASTIKAN SESUATU PRODUK BERADA

PADA TEMPAT DAN WAKTU YANG TEPAT UNTUK MEMENUHI PERMINTAAN PENGGUNA TANPA MENYEBABKAN LEBIHAN ATAU KEKURANGAN STOK. OBJEKTIF UTAMA RANTAIAN BEKALAN YANG BERKESAN DAN EFISIEN ADALAH UNTUK MENGURANGKAN KOS DAN MEMBERIKAN KEPUASAN KEPADA PELANGGAN.

KEMENTERIAN TIDAK SEHARUSNYA BERGANTUNG KEPADA 1,044 PEGAWAI PEMANTAU HARGA (PPH) DAN LEBIH KURANG 2,300 ORANG ANGGOTA PENGUATKUASA SAHAJA UNTUK MEMANTAU KENAIKAN HARGA BARANGAN DI SELURUH NEGARA.

KEMENTERIAN JUGA HARUS MENINGKATKAN PERANAN PENGGUNA DAN PERSATUAN PENGGUNA SEBAGAI 'MATA DAN TELINGA' KERAJAAN UNTUK MEMBANTU MEMANTAU HARGA BARANGAN DI TEMPAT MASING-MASING. PENGGUNAAN APLIKASI TELEFON PINTAR SEPERTI 'PRICE CATCHER' JUGA BOLEH MEMBANTU PENGGUNA MENYEMAK HARGA BARANGAN YANG MURAH DI PREMIS TERTENTU.

MANAKALA APLIKASI EZ ADU DAPAT DIGUNAKAN OLEH PIHAK PENGUATKUASA MENGAMBIL TINDAKAN SEGERA TERHADAP SALAH LAKU OLEH PIHAK PENIAGA JIKA TERDAPAT ADUAN OLEH PENGGUNA.

CABARAN UTAMA KINI ADALAH BAGAIMANA UNTUK MENDIDIK PENGGUNA SUPAYA MENJADI PENGGUNA YANG LEBIH BIJAK DALAM MENGURUSKAN PERBELANJAAN MASING-MASING. PENGGUNA YANG BIJAK AKAN MENILAI KEMBALI PERBELANJAAN YANG DIBUAT DAN MENUMPUKAN KEPADA PERBELANJAAN MENGIKUT KEPERLUAN SAHAJA.

MALAYSIA MENGAMALKAN SISTEM EKONOMI CAMPURAN DI MANA HARGA BARANG KEPERLUAN ASAS TERTENTU DIKAWAL OLEH KERAJAAN MANAKALA BAGI BARANGAN LAIN HARGANYA DITENTUKAN OLEH PASARAN MELALUI KONSEP PENAWARAN DAN PERMINTAAN.

DALAM HAL INI, PENGGUNA HARUS MENGURANGKAN PERBELANJAAN BAGI BARANGAN MEWAH DAN GAYA HIDUP MENUMPUKAN KEPADA BARANGAN KEPERLUAN TERLEBIH DAHULU KERANA ISU YANG HARUS DITANGANI DI SINI ADALAH KOS SARA HIDUP DAN BUKANNYA GAYA HIDUP (LIFE STYLE).

DALAM DUNIA PERNIAGAAN YANG GLOBAL, KOMPETITIF DAN PENUH DENGAN CABARAN, PERSAINGAN YANG SIHAT PERLU DIWUJUDKAN UNTUK MEMASTIKAN KEPENTINGAN SEMUA PIHAK SENTIASA DILINDUNGI.

INI TERMASUK MEMECAHKAN MONOPOLI DAN KARTEL DALAM SEKTOR TERTENTU SUPAYA KEUNTUNGAN BERLEBIHAN TIDAK

DIKAUT OLEH ORANG TENGAH DAN MANIPULASI HARGA TIDAK DILAKUKAN OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

BAGI MEWUJUDKAN SUASANA PERSAINGAN YANG ADIL DAN PERNIAGAAN YANG SIHAT, KEMENTERIAN SEDANG DALAM PROSES MENDAPATKAN KELULUSAN MEMPERKASAKAN PERANAN SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC) AGAR AKTA PERSAINGAN 2010 DENGAN LEBIH BERKESAN, SEKALIGUS MENYEDIAKAN PELUANG PASARAN YANG ADIL DAN BERDAYA SAING.

SALES AND SERVICES TAX (SST) SST TELAH PUN DILAKSANAKAN BAGI MENGGANTIKAN GOODS AND SERVICES TAX (GST) MULAI 1 SEPTEMBER 2018. PERUBAHAN PELAKSANAAN CUKAI SST INI SECARA PRINSIPNYA DIJANGKA AKAN MENGURANGKAN BEBAN PEMBAYARAN CUKAI KERANA SST BUKAN CUKAI MENYELURUH YANG MELIPUTI SEMUA JENIS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN.

SST HANYA MERANGKUMI 38 PERATUS DARIPADA BAKUL INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP). KPDNHEP AKAN MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN SECARA BERKALA AGAR TIADA PIHAK PENIAGA ATAU ORANG TENGAH MEMANIPULASI HARGA BARANGAN DAN MEMASTIKAN BEKALAN BARANGAN KAWALAN ADALAH MENCUKUPI DI PASARAN.

DALAM RETREAT INI, KITA AKAN MEMBINCANGKAN BEBERAPA PERKARA YANG BERADA DALAM MANIFESTO PAKATAN HARAPAN YANG BERKAITAN DENGAN FUNGSI KEMENTERIAN. SERAMAI LAPAN ORANG PENCERAMAH JUGA TELAH DIJEMPUT UNTUK MEMBENTANGKAN PELBAGAI TOPIK TERMASUK ISU SOSIAL MEDIA, INTEGRITI DAN KEPENGGUNAAN.

TAJUK-TAJUK YANG DIBENTANGKAN INI AKAN DIBINCANGKAN DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH ANALISA POLITICAL, ECONOMICAL, SOCIAL, ENVIRONMENTAL DAN LEGAL (PESTEL). SAYA YAKIN HASIL PERBINCANGAN KUMPULAN YANG DIADAKAN DENGAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN WORLD CAFE, IDEA-IDEA BARU DAN TERBAIK DAPAT DIKETENGAHKAN.

PELBAGAI CADANGAN PENAMBAHBAIKAN YANG AKAN DIBENTANGKAN JUGA AKAN DAPAT MENINGKATKAN LAGI MUTU KERJA, FUNGSI DAN PERANAN KEMENTERIAN DALAM MEMPERKASAKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT MARHAEN.

SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN PENGHARGAAN DI ATAS SEGALA USAHA YANG TELAH DIAMBIL OLEH WARGA KEMENTERIAN TERUTAMANYA YBHG DATO' SRI KSU DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN DALAM

MENJAYAKAN PELAKSANAAN RETREAT KPDNKK TAHUN 2018 INI YANG TERPAKSA DIADAKAN DI LUAR WAKTU PEJABAT.

SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TAHNIAH DI ATAS KOMITMEN SEMUA PIHAK DALAM MENJAYAKAN RETREAT HALA TUJU 2018 PADA HARI INI. SEMOGA SEGALA USAHA MURNI KITA UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT MENDAPAT KEBERKATAN ALLAH S.W.T. JUA.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRAHIM, SAYA MERASMIKAN RETREAT HALA TUJU KPDNHEP BAGI TAHUN 2018.

SEKIAN. WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.